16.12.16 sejarah baharu tercipta

Tak ambil fungsi LRT, komuter kerana MRT Sungai Buloh-Kajang guna laluan lain dengan lebih kapasiti, cepat

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur

Esok pada tanggal 16 Disember, sejarah baharu terlakar dalam sektor pengangkutan awam di negara ini, terutama bagi pengguna perkhidmatan rel di sekitar Lembah Klang.

Perkhidmatan rel dikenali Mass Rapid Transit (MRT) akan memulakan operasinya, esok bagi laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) membabitkan perjalanan dari Stesen Sungai Buloh hingga Stesen Semantan di Damansara, di sini.

Laluan sepanjang 24 kilometer akan melalui Stesen Kampung Selamat, Kwasa Damansara, Kwasa Sentral, Kota Damansara, Surian, Mutiara Damansara, Bandar Utama, Taman Tun Dr Ismail, Phileo Damansara, Pusat Bandar Damansara dan Semantan.

Pembangunan projek MRT diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dengan anggaran kos RM23 bilion.

Menariknya, projek berkenaan membabitkan kos lebih rendah berbanding unjuran awal ketika diumumkan lima tahun lalu.

Projek mega dari 2011

Projek bermula pada 2011 itu adalah projek mega dirancang di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi menambah baik sistem pengangkutan awam negara, khususnya di Lembah Klang.

Kerajaan melantik usaha sama Gamuda-MMC sebagai rakan pelaksana projek (PDP), manakala Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ditubuhkan pada September 2011 sebagai pemilik aset projek.

Julai lalu, MRT Corp memeterai Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT dengan Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail), anak syarikat Prasarana Malaysia Bhd (PRASARANA) yang dilantik mengendalikan Laluan MRT SBK.

Rapid Rail juga menguruskan hal ehwal berkaitan penyelenggaraan tren, stesen, sistem dan aset lain.

Pakar pengangkutan awam, Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah, berkata perancangan sistem rel bandar ini bagi membolehkan akses orang ramai terhadap sistem pengangkutan itu.

"MRT meliputi koridor yang sebelum ini tidak dilalui LRT. Ini bagi membolehkan lebih ramai penduduk Lembah Klang menggunakan sistem rel bandar yang paling efisien di antara semua jenis pengangkutan awam," katanya.

TEROWONG BAWAH TANAH



9.5 KILOMETER
laluan MRT Sungai Buloh-Kajang adalah laluan bawah tanah di tengah bandar raya Kuala Lumpur

1,200 PENUMPANG
untuk satu perjalanan dengan 4 gerabak

88 KERUSI
kapasiti tempat duduk penumpang (tanpa kerusi roda)

4 GERABAK
dua gerabak motor, 2 treler

100 KM/H
kelajuan MRT

89.5m (panjang keseluruhan)



400,000 ORANG
penumpang dalam sehari

24 KILOMETER
melalui Stesen Kampung Selamat, Kwasa Damansara, Kwasa Sentral, Kota Damansara, Surian, Mutiara Damansara, Bandar Utama, Taman Tun Dr Ismail, Phileo Damansara, Pusat Bandar Damansara, Semantan

27 KILOMETER
fasa kedua dijangka pada Julai tahun depan

KERATAN RENTAS MRT



GERABAK MOTOR KERETA API



GERABAK TRELER KERETA API



LALUAN BAWAH TANAH
Muzium Negara, Pasar Seni, Merdeka, Bukit Bintang, Tun Razak Exchange (TRX), Cochrane dan Maluri

RM1-RM3.90
tambang untuk pengguna biasa. 50 peratus diskaun bagi pelajar, OKU dan warga emas

3.2 MINIT
kekerapan khidmat

51 KILOMETER
keseluruhan laluan MRT SBK

31 STESEN
fasa pertama MRT SBK mempunyai 12 stesen dengan tiga dihubungkan dengan pengangkutan awam lain

71 MINIT
perjalanan dua hala Sungai Buloh-Semantan

8,000 RUANG
tempat letak kereta disediakan di stesen MRT tertentu

130,000
peluang pekerjaan diwujudkan dengan projek MRT

DUA LANDASAN MRT